

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH : **18.6.2014**
SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bilakah pembaikpulihan sistem bayaran balik PTPTN seperti sistem di United Kingdom akan dilaksanakan di mana peminjam hanya memulakan bayaran balik apabila berpendapatan sekurang-kurangnya gaji minima; dan
- (b) bilakah kaedah bayaran balik PTPTN melalui potongan gaji (ICR) seperti New Zealand dan Australia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kaedah kutipan balik pinjaman PTPTN melalui *Income Contingent Loan Repayment* (ICLR) dijangka dilaksanakan pada tahun 2015. ICLR adalah merupakan kaedah bayaran balik pembiayaan pendidikan melalui potongan gaji yang telah diamalkan oleh Australia serta New Zealand. Melalui ICLR, pelajar hanya perlu membayar balik pembiayaan pendidikan mereka berdasarkan peratusan tertentu daripada pendapatan apabila pendapatan mereka mencapai *threshold* yang ditetapkan. Pembayaran balik akan ditolak secara automatik daripada pendapatan mereka oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), sama sebagaimana kaedah potongan cukai

berjadual. Jika pendapatan mereka berada di bawah *threshold* yang ditetapkan, peminjam tidak perlu membuat bayaran.

Bagi melaksanakan ICLR ini, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [Akta 533] dan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533] perlu dipinda dan kedua-dua Rang Undang-Undang ini dijangka dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Parlimen bulan Oktober 2014.

Rjm115